



NOOH GADUT (dua dari kiri) menyaksikan Azman Mohd. Raof (tengah) dan Kadi Daerah Muar, Dzolkafli Mohamed (dua dari kanan) melafazkan akad wakaf Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Mutaqqin yang diwakafkan kepada MAINJ sambil disaksikan Abdul Razak Omar (kiri) di Bukit Pasir, Muar, Johor, semalam.

MAINJ laksana JQTA pantau kualiti tahfiz

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
pengarang@utusan.com.my

■ MUAR 3 JULAI

MAJLIS Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) akan melaksanakan sistem Jaminan Kualiti Tahfiz Johor (JQTA) yang diperkenalkan bagi memastikan kualiti madrasah tahfiz di negeri ini berada pada tahap terbaik.

Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ), Prof. Datuk Dr. Abdul Razak Omar berkata, JQTA yang terletak di bawah bidang kuasa MAINJ akan dipantau pihaknya selaku badan pelaksana sistem tersebut.

Menurutnya, Kolej Pengajian Islam Johor (Marsah) diberi tanggungjawab untuk membangunkan sistem tersebut yang akan memastikan kurikulum, pengurusan fasiliti dan kewangan di setiap tahfiz berkualiti tinggi.

"JQTA bertujuan untuk memastikan modul yang dipakai di setiap madrasah di negeri ini seragam dan tidak mengikut acuan sendiri sehingga menyebab-

kan para pelajar tiada hala tuju selepas menamatkan pengajian.

"Johor memiliki kira-kira 300 madrasah, namun tidak semua menjaga kualiti dan juga menggunakan modul-modul yang berbeza, atas sebab itu dalam satu mesyuarat antara IASWJ dan Marsah dengan MAINJ, kita mencadangkan perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Perasmian Kerjasama Wakaf antara MAINJ dan IASWJ dengan Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Mutaqqin di Bukit Pasir, Muar di sini semalam.

Majlis tersebut yang dirasmikan Penasihat MAINJ, Datuk Nooh Gadut turut dihadiri oleh Mufti Johor, Datuk Md. Tahir Samsudin; Timbalan Mufti Johor, Datuk Yahya Ahmad dan Pengasas madrasah tersebut, Datuk Azman Mohd. Arof.

Dalam majlis itu, Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Mutaqqin yang bernilai RM4 juta di atas tanah seluas satu hektar diwakafkan oleh Azman yang juga pemilik Syarikat Bas Ekspres Mayang Sari Sdn. Bhd., selepas siap dibina Disember lalu.

JQTA.

Mengulas lanjut, Abdul Razak berkata, Johor merupakan negeri pertama yang melaksanakan sistem tersebut sama seperti yang diperaktikkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memantau universiti-universiti di negara ini.

"Sistem ini seakan-akan pengiktirafan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) kepada universiti di Malaysia, namun JQTA yang digunakan untuk menilai madrasah tahfiz adalah yang pertama di negara ini.

"Ini bermakna, mana-mana madrasah tahfiz yang tidak mendapat kelayakan daripada MAINJ menerusi JQTA selepas ini tidak akan diberi lesen untuk beroperasi serta bantuan daripada kerajaan juga mungkin tidak disalurkan," katanya.

Dalam pada itu, Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Mutaqqin yang bernilai RM4 juta di atas tanah seluas satu hektar diwakafkan oleh Azman yang juga pemilik Syarikat Bas Ekspres Mayang Sari Sdn. Bhd., selepas siap dibina Disember lalu.